

KEJOHANAN PING PONG PERINGKAT CAWANG/SKUADRON PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3354-kejohanan-ping-pong-peringkat-cawang-skuadron-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 12 Apr 18 - Pangkalan Udara Gong Kedak telah menganjurkan Kejohanan Ping Pong Peringkat Cawang dan Skuadron bagi tahun 2018 yang telah berlangsung di Hangar No 11 Skuadron. Kejohanan ini telah berlangsung selama 2 hari bermula 11 hingga 12 Apr 18.

Antara pasukan yang terlibat adalah No 11 Skuadron, Cawang Kejuruteraan, Skuadron Bantuan Operasi, Skuadron 321, Cawang Tadbir, Cawang Material dan Gabungan Kontraktor. Pasukan Gabungan Kontraktor telah menjuarai Ping Pong pada tahun ini manakala Naib Juara dari Pasukan Skuadron 321 dan tempat ketiga dari Pasukan Skuadron Bantuan Operasi. Manakala bagi Kategori Wanita, perlawanan antara dua negeri kelahiran anggota iaitu Kelantan dan Terengganu telah dimenangi oleh pasukan wanita dari kelahiran Negeri Kelantan dengan kemenangan 2-1.



